



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **PENERAPAN ELEMEN DIDIK HIBUR MELALUI MODUL J-ZIKR DI NEGERI JOHOR**

*THE IMPLEMENTATION OF ENTERTAINMENT ELEMENTS THROUGH THE  
J-ZIKR MODULE IN THE STATE OF JOHOR*

Nor ‘Ashikin Mohd Nor<sup>1\*</sup>, Khadijah Abdul Razak<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: p118634@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 15.03.2024

Revised date: 03.04.2024

Accepted date: 23.04.2024

Published date: 12.06.2024

#### **To cite this document:**

Mohd Nor, N. ‘A., & Abdul Razak, K. (2024). Penerapan Elemen Didik Hibur Melalui Modul J-Zikr Di Negeri Johor. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 01-16.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.954001

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Bacaan Iqra’ merupakan pendidikan asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid sebelum menguasai al-Quran. Namun begitu masih terdapat murid khususnya murid tahun 6 yang tercicir dalam menguasai bacaan Iqra’ dan belum mengenal huruf hijaiyyah. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penerapan didik hibur dalam Modul J-Zikr untuk meningkatkan kemampuan murid Tahun 6 membaca Iqra’ 1, 2 dan 3 dan strategi yang dilaksanakan oleh guru bagi mengatasi masalah keciciran murid dalam membaca al-Quran. Reka bentuk kajian berbentuk kualitatif iaitu melalui kaedah temubual terhadap dua orang Jurulatih Utama J-Zikr Negeri Johor, analisis dokumen dan pemerhatian. Dapatkan kajian melalui analisis dokumen terhadap 83 murid yang menjadi peserta program J-Zikr menunjukkan terdapat pencapaian yang positif dengan 36% murid telah mencapai tahap Modul Emas, 26% mencapai tahap Modul Perak, 37% murid di tahap Modul gangsa dan hanya 1% yang masih tiada peningkatan. Dapatkan kajian ini berfokus kepada keberkesanan modul J-Zikr dan juga perancangan dan strategi Jurulatih Utama Negeri Johor untuk mengatasi masalah keciciran murid. Pencapaian murid melalui progam yang dijalankan menunjukkan bahawa Modul J-Zikr amat sesuai digunakan untuk membantu murid-murid cicir al-Quran. Namun begitu, Modul J-Zikr ini perlulah ditambah baik dengan menambah lebih banyak elemen didik hibur serta disebarluaskan untuk manfaat ramai.

### **Kata Kunci:**

Didik Hibur, Modul J-Zikr, Nyanyian, Pembayang Huruf, Iqra’

**Abstract:**

Iqra' reading is a fundamental education that students need to master before mastering the Quran. However, there are still students, especially in grade 6, who are left behind in mastering Iqra' reading and have not yet familiarized themselves with the Arabic alphabet. This article aims to examine the effectiveness of implementing entertainment-based teaching in the J-Zikr Module to improve the reading ability of grade 6 students in Iqra' 1, 2, and 3, as well as the strategies implemented by teachers to address the issue of students lagging behind in Quran reading. The research design is qualitative, conducted through interview methods with two main trainers of the J-Zikr program in the state of Johor, document analysis, and observation. The study findings, through document analysis of 83 students participating in the J-Zikr program, show positive achievements, with 36% of students reaching the Gold Module level, 26% reaching the Silver Module level, 37% at the Bronze Module level, and only 1% showing no improvement. The findings of this study focus on the effectiveness of the J-Zikr module as well as the planning and strategies of the main trainers in Johor state to address the issue of students lagging behind. The students' achievements through the program indicate that the J-Zikr Module is highly suitable for assisting students lagging behind in Quran reading. However, the J-Zikr Module needs to be improved by adding more entertainment-based elements and disseminating it widely for the benefit of many.

**Keywords:**

Edutainment, J-Zikr Module, Singing, Letter Recognition, Iqra'

## Pengenalan

Bermulanya perintah membaca adalah daripada penurunan wahyu pertama di Gua Hira'. Malaikat Jibrail sebagai perantara menyampaikan wahyu yang benar buat seluruh umat kepada Rasulullah SAW melalui surah al-Alaq. Pendidikan al-Quran hendaklah bermula daripada peringkat asas iaitu mengenal huruf hijaiyyah, huruf pelbagai baris, pelbagai hukum tajwid, makhraj huruf dan seterusnya membina kemampuan membaca ayat-ayat al-Quran dengan sempurna. Pada tahun 2005, melalui Model Khatam al-Quran dan Tasmik j-QAF, bermulalah fasa pengenalan kaedah Iqra' di peringkat sekolah sama ada di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), atau Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Model Khatam al-Quran dan Tasmik adalah komponen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) matapelajaran Pendidikan Islam yang mesti diikuti oleh semua pelajar beragama Islam. Sasaran Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (BPI KPM) untuk murid-murid melepas Iqra' 1 hingga 6 adalah seawal penggal pertama persekolahan tahun 1 (Panduan Pelaksanaan j-QAF, 2005). Namun realitinya sasaran tersebut bukanlah satu perkara yang mudah. Walaupun 18 tahun pelaksanaan program j-QAF di sekolah rendah, namun masih terdapat murid-murid yang keciciran dan tidak mampu mengenal huruf hijaiyyah dengan baik walaupun telah menjelak ke tahun 6 sesi persekolahan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka teknik dan strategi berkesan untuk mengatasi masalah keciciran pelajar dalam pembelajaran Iqra' khususnya murid tahun 6. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak KPM untuk memperkasakan penguasaan Iqra' dalam kalangan murid. Pada pertengahan tahun 2015, berdasarkan surat pekeliling ikhtisas (SPI) bilangan 2 Bahagian Pendidikan Islam (2015) telah membuat pembaharuan dengan memasukkan waktu

tasmik yang dilaksanakan di luar waktu persekolahan ke dalam jadual waktu persekolahan. Perubahan ini tidak memberi kesan kepada pencapaian murid kerana faktor bilangan murid dalam sesebuah kelas yang terlalu ramai. Proses tasmik melibatkan penelitian kepada setiap individu murid seorang demi seorang dan sudah tentu akan mengambil masa yang lama. Umum mengetahui bahawa, dalam masa yang singkat kira-kira 7 hingga 10 orang sahaja yang mampu ditasmik dengan terperinci oleh seorang guru dalam tempoh 1 jam sesi pembelajaran (Ngah, M. I. & Ibrahim, S. Z. 2016). Berdasarkan kajian Mohamed Razali, N. et al. (2021), Ismail, D. et al. (2014) dan Md Hasan, R. et al. (2015) menunjukkan bahawa, target KPM dalam penguasaan al-Quran masih belum tercapai kerana ketidaksempurnaan bacaan dari aspek kelancaran, sebutan, tempat keluar huruf dan hukum-hukum tajwid.

Namun demikian, hakikat yang tidak boleh dikesampingkan ialah masalah keciciran dalam pembelajaran al-Quran perlu diambil perhatian yang serius. Langkah yang proaktif dalam penyediaan bahan bantu mengajar berkesan perlulah dilaksanakan secara tuntas oleh setiap insan bergelar guru. Penerapan elemen didik hibur adalah salah satu teknik yang memberi penekanan terhadap kecerdasan pelbagai murid dari pelbagai aspek seperti mana yang dinyatakan oleh Gardner, H (1993) berkaitan kecerdasan pelbagai murid dari aspek verbal, linguistik, naturalis, logik, matematik, muzik, kinestatik, interpersonal dan intrapersonal. Justeru, kajian berkaitan keberkesanan didik hibur melalui modul J-Zikr hendaklah dilaksanakan bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengkaji tahap keberkesanan penerapan elemen didik hibur dalam modul J-Zikr.
2. Mengenal pasti perancangan dan strategi yang dilaksanakan oleh Jurulatih Utama Pendidikan Islam bagi mengatasi masalah keciciran al-Quran di Negeri Johor.

## Tinjauan Literatur

Terdapat tiga topik yang akan dibincangkan dalam tinjauan literatur ini:

### *Pendidikan Asas al-Quran di Malaysia*

Di Malaysia, kaedah pembelajaran al-Quran pada asasnya terdapat dua cara iaitu kaedah Baghdadiyyah dan kaedah Iqra'. Kaedah Baghdadiyyah telah lama digunakan. Ia juga dikenali sebagai muqaddam. Kaedah ini bertujuan untuk membina kemampuan murid membaca al-Quran dengan cara mengenal huruf-huruf hijaiyyah sebagai langkah yang pertama. Seterusnya diteruskan dengan pembacaan huruf bersambung dan berbaris. Cara pembacaannya adalah dengan cara membatangkan huruf beserta baris. Apabila sudah mahir membaca huruf bersambung dan berbaris, barulah diteruskan dengan membaca al-Quran dimulai dengan surah al-Fatiyah dan surah an-Nas sehingga surah an-Naba'. Terdapat tiga peringkat pembelajaran melalui kaedah ini iaitu yang pertama adalah pembacaan secara umum dengan menekankan bacaan bertajwid berasaskan asas yang telah dibina dengan mengenal huruf dan baris. Kedua adalah bacaan ulangan dengan menekankan tajwid dan sebutan yang lebih baik dan mantap dan yang ketiga adalah bacaan berlagu dan berirama (Sabilan, S. et al. 2018).

Kaedah Iqra' adalah kaedah yang diubah suai daripada kaedah Baghdadiyyah yang diasaskan oleh Abu Mansor Hafzul Fikri al-Baghdadiyyah pada tahun 360H. Pengasas kaedah Iqra' ialah seorang ustaz daripada Indonesia iaitu Ustaz As'ad Hummam. Melalui kaedah iqra' terdapat enam tahap pembacaan iaitu Iqra' 1 hingga 6 yang dahulunya diasingkan dalam 6 buah buku, kini disatukan dalam sebuah buku. Penulisan buku Iqra' adalah menggunakan Rasm Uthmani (Mohamad Rasidi, A. H., & Ismail, M. F. 2023). Teknik pengajaran Cara Belajar Murid Aktif

(CBMA) digunakan dalam pembelajaran Iqra' iaitu dengan cara pengajaran berulang kali secara latih tubi oleh guru sehingga difahami oleh murid-murid kemudian murid perlu meneruskan pembacaan kendiri dengan pengawasan guru (Che Omar, M. et al. 2015). Jika diteliti dengan lebih mendalam, Iqra' telah diperkenalkan melalui sistem pendidikan negara sejak tahun 1995 di Malaysia. Kaedah ini terus diperkasakan melalui program j-QAF pada tahun 2005 dan seterusnya digunakan sepenuhnya di semua sekolah pada tahun 2010 sehingga kini sebagai asas pengajaran Al-Quran (Md. Zin, N. et al. 2014).

Keistimewaan kaedah Iqra' telah terbukti dengan pengiktirafannya di Malaysia rentetan daripada pengaplikasiannya dalam pendidikan al-Quran sekolah rendah. Di samping itu, kaedah Iqra' juga diterapkan dalam silibus pembelajaran tahun 1 di mana murid-murid perlu mempelajari kesemua isi pelajaran Iqra' pada tahun 1. Menjelang era pandemik dan seiring dengan perkembangan teknologi digital masa kini, kaedah ini diperluas dengan pengaplikasian secara maya khususnya melalui saluran youtube (Senin, M. S. M. et al. 2021).

### ***Didik Hibur***

Bersesuaian dengan istilah didik dan hibur menjelaskan bahawa, elemen ini memberi penekanan kepada teknik pengajaran santai serta menghiburkan dengan gabungan unsur jenaka, estetika, muzik dan juga lakonan. Kebimbangan pelajar dan tekanan guru dapat dikurangkan dengan melaksanakan pendekatan santai dan menghiburkan. Kaedah ini berfokus kepada penyelesaian masalah dan penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Berfokuskan objektif yang ditetapkan, murid diberi kebebasan bergerak, memberi pendapat dan bersuara namun dalam keadaan yang terkawal. Di samping itu, pendekatan ini melibatkan komunikasi anggota badan seperti kerlipan mata, pergerakan tangan, mengangkat bahu, perubahan mimik muka, mengangkat kening dan ekspresi senyuman (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Pendekatan didik hibur adalah bersifat positif, ceria, terkawal dan menyeronokkan. Elemen didik hibur ialah nyanyian, lakonan, puisi dan bercerita (Hisamudin, N. A. I. 2019).

Didik hibur, diperkenalkan seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan, menyepadukan dan bereksperimen dengan apa yang telah mereka pelajari melalui aktiviti yang menyeronokkan dan bermakna. Ia adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang bertujuan untuk memastikan potensi kognitif, emosi dan rohani pelajar dioptimumkan sebanyak mungkin (Jamian, A. R. et al. 2016).

Pada era globalisasi ini kaedah didik hibur merupakan kaedah yang bersesuaian diamalkan seiring peredaran zaman dalam pelaksanaan PdPc masa kini (Ismail, M. 2016). Selaras dengan pedagogi abad ke 21 kaedah ini juga memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan juga penekanan kepada penglibatan murid secara aktif dalam proses PdPc (Salleh, M. R. M., & Zulkifli, H. 2020). Walau bagaimanapun, ramai guru memilih untuk menggunakan buku teks dan papan tulis kerana ia dianggap lebih mudah. Situasi ini bukanlah kerana guru tidak menyedari kelebihan kaedah didik hibur tetapi kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menggunakan didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Jamili, S., & Mahamod, Z. 2022).

Pengaplikasian didik hibur yang berpusatkan murid adalah bertepatan dengan penarafan standard 4 sebagai sebahagian daripada penarafan pedagogi guru dari aspek pembelajaran dan pemudahcaraan yang menumpukan pada penguasaan guru terhadap Enam aspek utama iaitu

guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif. (Ahmad, N. et. al 2021). Elemen didik hibur yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan latar belakang pelajar. Sehubungan itu, guru perlu mengetahui tentang latar belakang murid. Pengetahuan tentang latar belakang murid akan lebih memudahkan guru untuk membangunkan kaedah dan strategi pengajaran yang menarik dan paling berkesan untuk meningkatkan prestasi dan motivasi pelajar. (Ahmad, M., & Nordin, M. R. M. 2020).

Meneliti pandangan ulama berkaitan nyanyian dalam Islam pula, terdapat ulama yang mengharamkan dan terdapat juga ulama yang mengharuskannya dengan bersyarat. Seni muzik banyak manfaatnya. Seni muzik bukan semata-mata untuk hiburan malah bertujuan untuk mengeratkan hubungan dengan pencipta seperti zikir dan selawat. Selain itu, muzik beperanan sebagai penyampai mesej bercorak kemanusiaan, nasihat, jati diri, ketuhanan, ketamadunan, patriotisme, kebangsaan, kekeluargaan, isu semasa dan sebagainya. Oleh itu, selagi tidak membawa kepada kelalaian dan perbuatan maksiat ianya adalah diharuskan (Hanafi, L. H. et al. 2014).

Terdapat beberapa pengkaji terdahulu telah membuat kajian berkaitan didik hibur dalam Pendidikan Islam. Mohammad Salleh, M. R. M., & Zulkifli, H. (2020), Shitiq, H. A. A. H., & Mahmud, R. (2010), Mahzan, S. et al. (2018), Ab Rahman, A. et al. (2022) dan Effindi, F.H.(2018) melalui kajian mereka tentang pendekatan didik hibur permainan, nyanyian, audio visual telah menunjukkan kesan yang positif terhadap peningkatan motivasi dan pemahaman murid dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Menurut kajian Saipullah, N. A. F. (2020), pembelajaran menggunakan bahan bantu teknologi, khususnya yang melibatkan audio visual, dapat meningkatkan pemahaman pelajar. Penggunaan media interaktif seperti ini dapat membuat pembelajaran lebih menarik dan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan. Namun, dalam konteks tersebut, kajian juga menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru untuk menggunakan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih berada pada tahap sederhana dan lemah. Ini mungkin mencerminkan cabaran atau keperluan untuk meningkatkan latihan dan pemahaman guru terhadap penggunaan media interaktif agar dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi pembelajaran yang disediakan oleh teknologi.

### **Modul J-Zikr**

Modul J-Zikr adalah hasil kerjasama dan jalinan idea para Jurulatih Utama Negeri iaitu Ustaz Muhammad Naqiuddin bin Mustapakamal, Ustaz Ramlan bin Ahmad, Ustaz Mursyid bin Jalil, Ustaz Khairom bin Amir, Ustazah Norsyidah binti Roslan, Ustazah Helis Suriati binti Abu Bakar, Ustazah Zainab bin Shahari dan Ustazah Haryati binti Hashim di bawah bimbingan dan pemantauan Ustazah Maizathul Sazila binti Othman (Penolong Pengarah UPPPI Sektor Pendidikan Islam JPNJ). Modul ini dilancarkan pada 17 Ogos 2023 dengan menekankan kemahiran membaca Iqra' 1, 2 dan 3. Kemahiran Iqra' 1 dilabel sebagai modul gangsa yang memberi penekanan tentang mengenal huruf hijaiyyah tunggal berbaris di atas. Kaedah memperkenalkan huruf melalui pembayang diperkenalkan. Murid dipaparkan gambar pembayang dan murid perlu menggayakan pembayang huruf tersebut sambil menyebutnya. Latih tubi menyebut huruf bukan sekadar sebutan namun bergerak seiring dengan menggayakan pembayang huruf. Pembayang huruf yang dipilih pula adalah pembayang yang dekat di hati murid. Apabila murid tidak mengingati huruf yang dipaparkan guru hanya perlu memberi klu dengan menggayakan pembayang huruf. Kaedah ini secara tidak langsung merangsang daya visual dan kinestatik dalam kalangan murid.

Modul perak pula adalah kemahiran Iqra' 2. Murid diperkenalkan dengan teknik bacaan robot. Sambil menyebut huruf bersambung murid perlu menggayaikan gaya robot iaitu bacaan pendek. Kemudian murid diperkenalkan pula dengan bacaan panjang. Bacaan panjang diperkenalkan dengan lagu mengikut irama ‘kalau rasa gembira’. Seterusnya, modul emas adalah kemahiran Iqra' 3 iaitu kemahiran menyebut huruf pelbagai baris beserta bacaan panjang dan pendek. Kaedah modul emas juga diperkenalkan beserta lagu dengan isyarat tunjuk. Murid-murid menggayaikan isyarat tunjuk bagi bacaan pendek dan panjang setiap sebutan *fathah*, *kasrah* dan *dhommah*. Iramanya bukanlah daripada lagu yang sedia ada tetapi mudah dan ringkas untuk diingat oleh murid-murid. Di samping itu, modul ini juga mengandungi penilaian bacaan bagi setiap peringkat untuk melayakkan murid-murid memperoleh pingat sebagai ganjaran melepas setiap modul. Selain menyediakan aktiviti yang menarik modul ini secara tidak langsung telah meningkatkan daya saing dan motivasi murid untuk terus bersemangat belajar Al-Quran (Modul J-Zikr 2023).

## Metodologi

Dalam konteks metodologi, kajian kualitatif iaitu kajian kes adalah reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah temu bual serta disokong oleh analisis dokumen dan pemerhatian. Persampelan kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan di mana pemilihan sampel kajian berfokuskan kepada dua orang Jurulatih Utama Modul J-Zikr. Informan kajian terdiri daripada seorang guru Pendidikan Islam lelaki dan seorang guru Pendidikan Islam Perempuan. Kedua-dua informan ini mempunyai pengetahuan yang luas tentang modul J-Zikr kerana salah seorang daripada mereka merupakan penggubal modul dan pelaksana di peringkat daerah Kulai dan juga negeri Johor. Informan pertama merupakan seorang guru cemerlang Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Taman Muhibbah manakala informan kedua adalah seorang guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Tengku Mohd Yassin Kluang. Lokasi kajian adalah di Daerah Kulai selaku tuan rumah Program Pemerksaan Tahap Asas al-Quran Negeri Johor Tahun 2023. Seorang daripada guru ini merupakan Jurulatih Utama Negeri yang bersama-sama dengan rakan Jurulatih Utama Negeri Johor yang lain menggubal Modul J-Zikr. Manakala seorang lagi merupakan Jurulatih Utama Daerah Kluang yang telah melaksanakan Modul J-Zikr di peringkat daerah dan peringkat negeri pada tahun 2023. Informan kedua juga merupakan guru inovatif yang aktif melibatkan diri dalam pertandingan inovasi berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya bidang al-Quran. Antara inovasi beliau ialah kad makhray yang sehingga kini menjadi rujukan lampiran di muka belakang kitab Iqra' dan naskah al-Quran Rasm Uthmani.

Inventori protokol temu bual dihasilkan dan diserahkan kepada penyelia untuk disemak. Inventori protokol temubual terbahagi kepada dua bahagian utama bagi mengkaji keberkesanan serta perancangan dan strategi informan bagi mengatasi masalah keciciran pelajar. Kaedah temu bual yang dilaksanakan ialah kaedah temubual semi struktur. Alatan yang digunakan untuk temu bual ialah alat perakam audio, komputer riba, senarai pemerhatian, inventori protokol temubual dan dokumen-dokumen berkaitan.

Selain temu bual, analisis dokumen berkaitan data pencapaian 83 orang murid tahun 6 negeri Johor yang menyertai Program Permerksaan Tahap Asas Al-Quran menggunakan Modul J-Zikr juga dilakukan. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor menganjurkan Program Pemerksaan Tahap Asas al-Quran untuk membantu murid-murid tahun 6 di Negeri Johor yang masih jauh tercincir daripada sasaran KPM iaitu tamat Iqra' seawal tahun 1. Selain itu, analisis dokumen turut dilaksanakan terhadap Modul J-Zikr dengan menganalisis data pencapaian yang

diperolehi sepanjang program Pemerkasaan Tahap Asas Al-Quran J-Zikr peringkat Negeri Johor. Data ini diperlukan untuk mengenal pasti keberkesanan modul dari aspek pencapaian murid. Proses pemerhatian dilaksanakan secara tidak langsung kerana penyelidik sendiri terlibat sebagai urusetia program. Melalui proses pemerhatian, penyelidik dapat mengenal pasti penerapan didik hibur sepanjang sesi PdPc dilaksanakan dan mengenal pasti tingkah laku murid sepanjang program dilaksana.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu dapatan tembual, dapatan analisis dokumen dan juga dapatan pemerhatian. Dapatan analisis dokumen dan pemerhatian adalah data sokongan bagi meneguhkan dapatan temu bual yang dilaksanakan.

### ***Keberkesanan Penerapan Didik Hibur Dalam Modul J-Zikr***

Melalui temu bual yang dijalankan penyelidik membahagikan dapatan kepada dua tema utama iaitu keberkesanan didik hibur dan perancangan serta strategi bagi mengatasi murid cicir Iqra'. Dapatan temu bual adalah merupakan dapatan utama hasil daripada pengetahuan serta pengalaman informan yang bergiat aktif dalam pelaksanaan didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

**Jadual 1: Keberkesanan Didik Hibur**

<b>Tema</b>	<b>Subtema</b>	<b>Kod Informan</b>	
		<b>GJZ1</b>	<b>GJZ2</b>
<b>Keberkesanan didik hibur</b>	Murid aktif	X	X
	Motivasi	X	X
	Kefahaman	X	
	Pengukuhan dan Intervensi		X
	Mencungkil bakat		X
	Menarik minat		X

Jadual 1 di atas menunjukkan keberkesanan eleman didik hibur dalam Modul J-Zikr. Dapatan temubual menunjukkan bahawa elemen didik hibur dapat menggalakkan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua informan seperti petikan berikut:

(GJZ1) “*Kalau kita nak pastikan murid tu, melibatkan diri, bukan pencapaian lagi ye, melibatkan diri, secara aktif dalam PdP mesti menggunakan didik hibur. Jika tiada didik hibur murid akan.. apa.. tidak proaktif. Dia lemau...*” GJZ1 2023: 165

(GJZ2) “*Sebab budak ni kadang-kadang kita tanya dia tak jawab kan tapi bila menyanyi dia menyanyi.*” GJZ2 2023: 432

Selain itu, elemen didik hibur juga dapat meningkatkan motivasi murid dengan ganjaran yang diberi dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman murid. Murid-murid juga akan menjadi lebih berkeyakinan apabila mereka lebih bermotivasi.

(GJZ1) “Bilamana kita ada didik hibur, kita akan ada sistem reward dan sebagainya. Itu akan meningkatkan motivasi dia untuk belajar. Macam harini kan (Program J-Zikr) diorang akan berlumba-lumba, diorang nak sangat sebab dia nampak dia punya pencapaian depan mata dia sendiri” GJZ1 2023: 168

(GJZ2) “Muzik ni sebenarnya sebenarnya.. aa didik hibur ni dapat meningkatkan motivasi murid tu sendiri secara tak langsunglah.. Dia akan ada keyakinan diri, dalam masa yang sama terdapat gabung jalin dengan pendidikan muzik. Tengok murid tu pasif je tapi bila dengar nyanyi eh sedap jugak suara.” GJZ2 2023: 443

(GJZ1) “Bila dia ada motivasi minat insyaAllah dari segi kefahaman dapat membantu kefahaman dia untuk dicapai objektif yang kita sasarkan.” GJZ1 2023: 172

Seterusnya, didik hibur juga boleh dijadikan bahan pengukuhan kepada murid yang pandai dan intervensi kepada murid yang lemah.


(GJZ2) “memang berkesan kerana ianya merupakan pengukuhan kepada murid-murid yang pandai dan juga merupakan intervensi bagi murid-murid yang lemah” GJZ2 2023:

Melalui aktiviti nyanyian juga, secara tidak langsung akan mencungkil bakat murid dan menjadikan mereka lebih berketerampilan. Ini berdasarkan petikan temu bual informan kedua:

(GJZ2) “Sebenarnya kat situ boleh mencungkil bakat-bakat murid jugak. Dari murid yang senyap boleh jadi murid yang berketerampilan.” GJZ2 2023: 411

Akhirnya, didik hibur juga merupakan elemen yang mampu menarik minat murid. Majoriti murid gemarkan muzik. Sebagai umat islam juga kita digalakkan berzikir dan berselawat dengan alunan lagu kerana dengan cara ini dapat menenangkan jiwa dan menarik minat umat Islam berselawat tanpa jemu. Menurut informan kedua, “Kebiasaannya lagu tu lebih dekat dengan jiwa murid tu sendiri. Kadang-kadang kita ajar berselawat. secara tak langsung murid akan tertarik kan?” GJZ2 2023: 262.

Dapatan analisis dokumen yang diambil daripada perekodan pencapaian 83 orang peserta program menunjukkan terdapat pelajar berjaya melepas Modul Gangsa, Modul Perak dan Modul Emas. Dokumen ini telah diringkaskan dalam bentuk carta pai dalam rajah 1.



**Rajah 1: Carta Pai Pencapaian Murid Program Pemerksaan Iqra’ Peringkat Negeri Johor**

Sumber: Ustaz Naqiuddin (Jurulatih Utama J-Zikr Negeri Johor)

Rajah 1 menunjukkan carta pai yang mewakili pencapaian murid dalam program Pemerksaan Tahap Asas al-Quran J-Zikr Peringkat Negeri Johor. Sebelum program, kesemua peserta seramai 83 orang murid perlu melepassi tahap gangsa untuk melayakkan diri menyertai penilaian peringkat perak dan kemudian peringkat emas. Peringkat gangsa adalah proses mengenal huruf hijaiyyah. Data menunjukkan bahawa terdapat dua orang murid yang masih tiada perubahan dan tidak mencapai apa-apa pingat ganjaran. Murid yang telah berjaya mencapai pingat gangsa adalah sebanyak 37% iaitu seramai 81 orang daripada 83 orang peserta telah mengenal huruf hijaiyyah. Manakala, bagi penilaian peringkat perak pula sebanyak 36% atau 78 orang peserta telah mengenal huruf bersambung dan bacaan mad asli. Seterusnya bagi penilaian peringkat emas yang menilai kemahiran membaca kalimah pelbagai baris dan bacaan mad telah dicapai oleh 56 orang peserta bersamaan dengan 26% daripada keseluruhan jumlah peserta. Penilaian ini menunjukkan kesan yang positif terhadap peningkatan bacaan murid yang pada awalnya hadir tanpa mengenal huruf hijaiyyah. Murid-murid ini rata-rata mempunyai masalah pembelajaran atau dikenal sebagai murid tegar.

### Perancangan dan Strategi Untuk Mengatasi Masalah Keciciran

**Jadual 2: Perancangan Dan Strategi**

Tema	Subtema	Kod Informan	
		GJZ1	GJZ2
<b>Perancangan</b>	Gaya pembelajaran	X	
	Mengkaji Latar Belakang	X	
	Menjana Idea	X	X
<b>Strategi</b>	Pemerksaan Modul		X
	Pelaksanaan Modul	X	X
	Pelaksanaan Program	X	X

Jadual 2 menunjukkan perancangan dan strategi yang dilaksanakan oleh informan untuk mengurangkan masalah keciciran murid dalam pembelajaran Al-Quran. Guru perlulah memberi penekanan kepada gaya pembelajaran murid yang bersifat pelbagai.

*“kalau untuk didik hibur ni pertama kita kena sentuh 3 gaya pembelajaran dia iaitu kita nak merangsang visual dia, dengan auditori dia dan juga kinestatik. Supaya pembelajaran kita tu tidak membosankan”.* GJZ1 2023: 70

Selain itu, guru-guru juga perlu mengkaji latarbelakang murid dengan membuat penilaian tiga saat. Guru boleh menukar teknik pengajaran jika melihat respon murid kurang memberangsangkan.

*“Bila kita mengajar kita dah boleh buat penilaian yang dulu saya panggil sebagai penilaian 3 saat. Kita nak tengok respond macam mana, ye kita panggil gerak balas. Contoh kalau kita buat sesuatu kita lihat ekspresi muka dia tidak menggembirakan mungkin penyampaian kita tu tak bagus. Ataupun kalau kita buat sesuatu pergerakan kinestatik kan.. kalau kita tengok murid tak bergerak ataupun tak mengikuti apa yang kita buat maksudnya mungkin aktiviti yang kita sediakan tu kurang menarik minat murid tadi. Jadi kita kena cepat ubah”.* GJZ1 2023: 80

Dari sudut janaan idea pula, guru-guru boleh menggunakan modul J-Zikr yang sedia ada. Modul J-Zikr dilaksanakan melalui perancangan dan perbincangan yang terperinci oleh para jurulatih utama dari daerah-daerah sekitar Johor. Selain itu juga, medium youtube merupakan cara termudah untuk mencari idea melaksanakan elemen didik hibur. Melalui aplikasi youtube telah ramai para pendidik yang telah berkongsi pelbagai elemen didik hibur dalam pembelajaran Iqra' seperti nyanyian lagu huruf hijaiyyah, hukum-hukum tajwid dan bacaan tanwin. Guru-guru juga perlu menghadiri bengkel yang berkaitan dengan pemerkasaan PdPc untuk mengasah Kemahiran. Menurut informan pertama; *“Modul J-Zikr ini adalah gabungan idea daripada guru-guru yang berpengalaman. Jadi.. gunakan je. Tak perlu penat-penat perah otak”* GJZ1 2023: 157. Pandangan ini dipersetujui informan kedua dengan menyatakan *“Idea dalam modul tu sebenarnya tercetus daripada murid sendiri. Sebenarnya melalui cara mereka di dalam kelas tu.. kat situ sebenarnya idea yang kita dapat. kita akan memerhati setiap profile murid tu”*. GJZ2 2023: 289

*(GJZ1) Kalau dalam iqra' kita buat perbincangan di peringkat negeri, kita buat perbincangan maksudnya kita bondingkan lagu-lagu yang ada tu untuk kita bantu murid-murid untuk capai objektif pembelajaran iqra' tu sendiri.* GJZ1 2023: 60

*(GJZ1) kadang-kadang kita search kat youtube juga. Kita cari maklumat didik hibur tu, dan cara macam mana sebab kadang-kadang kan setiap guru berbeza.* GJZ1 2023: 98

*(GJZ1) Dan...satu lagi, guru-guru perlu banyak join bengkel-bengkel. Bengkel penting untuk kita asah kita punya kemahiran.* GJZ1 2023: 102

Para Jurulatih Utama Negeri Johor sedang giat memperkasakan modul dengan menyebarluaskan modul J-Zikr di Negeri Johor. Hal ini kerana, guru-guru kebanyakannya masih belum menyedari keistimewaan dan keberkesanannya. Usaha yang padu dari pihak JPNJ, PPD dan Jurulatih utama adalah amat perlu supaya Modul ini dapat diperkasakan dan digunakan secara meluas. Pengetahuan dan pemahaman yang jitu perlu diterapkan kepada para guru supaya modul ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Hal ini kerana guru-guru telah selesa dengan kaedah tradisional yang sedia ada.

(GJZ1) Setakat ini, pelaksanaannya masih belum meluas kerana ramai yang sudah selesa dengan kaedah yang sedia ada. GJZ1 2023: 135

(GJZ2) Ramai juga yang sudah tahu tetapi tidak faham cara untuk melaksanakan modul terutamanya dalam pengaplikasian nyanyian. GJZ2 2023: 321

Selain itu, pihak JPN Johor juga telah mengerakkan para jurulatih utama di setiap Daerah Negeri Johor untuk melaksanakan Program J-Zikr di setiap daerah. Program di peringkat negeri juga dilaksanakan bagi memulihkan murid-murid di Negeri Johor yang telah jauh keciciran.

(GJZ1) Setakat ini, kami sedang berusaha untuk melaksanakan di peringkat sekolah, daerah dan seterusnya di peringkat negeri... GJZ1 2023: 154

(GJZ2) Kami fokus kepada murid tahun 6 yang masih iqra'. Data di ambil daripada RTO-J yang di isi setiap bulan. GJZ2 2023: 347

Dapatan kajian diperkuuh melalui pemerhatian pengkaji berkaitan elemen-elemen didik hibur yang diterapkan dalam pengajaran. Pelaksanaan PdPc informan dapat diperhatikan melalui tiga tema utama iaitu metodologi yang memfokuskan kepada elemen didik hibur yang diterapkan, bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan dan keberkesaan yang dinilai dari aspek tingkah laku dan penerimaan murid sepanjang sesi PdPc dijalankan. Senarai semak pemerhatian terhadap pelaksanaan modul J-Zikr dapat dilihat melalui jadual 3 di bawah:

**Jadual 3 Senarai Semak Pemerhatian Terhadap Pelaksanaan Elemen Didik Hibur Dalam Pembelajaran Iqra'**

<b>Konstruk</b>	<b>Tema</b>	<b>Subtema</b>	<b>Pelaksanaan</b>	
			<b>GJZ1</b>	<b>GJZ2</b>
Didik Hibur Iqra'	Metodologi	Nyanyian	/	/
		Lakonan	/	
		Permainan	/	
		Bercerita	/	
	BBM	Kertas Edaran		/
		Komputer / LCD	/	/
		Bunting	/	/
		Modul	/	
		Bahan Maujud		/
		Pelekat ganjaran	/	/
		Perkusи		/
	Keberkesaan	Menyeronokkan	/	/
		Ganjaran	/	/
		Berpusatkan murid	/	/
		Menarik minat	/	/
		Memberi kefahaman	/	/
		Murid aktif	/	/

Berdasarkan jadual 3 di atas, penyelidik mendapati bahawa GJZ1 melaksanakan kaedah pengajaran berasaskan didik hibur iaitu nyanyian, permainan, dan bercerita. Kaedah ini dilihat dalam tindakan beliau melaksanakan aktiviti *ice breaking* dan *energizing* untuk menarik minat murid serta meningkatkan semangat murid melibatkan diri secara aktif melalui program dua hari yang dijalankan. Komputer dan LCD digunakan untuk memaparkan visual yang menarik serta kaedah-kaedah menarik perhatian dan kreatif seperti teknik tepukan, teknik sorakan, tentera semut dan sebagainya melalui aktiviti *ice breaking* dan *energizing*.

GJZ2 pula menggunakan elemen nyanyian beserta paluan perkusi. Di samping nyanyian, GJZ2 menggunakan didik hibur ICT untuk memaparkan bahan pengajaran beliau. Video nyanyian lagu *tanwin* dengan rentak lagu ‘tanya sama pokok’ hasil ciptaan beliau sendiri diperdengarkan kepada murid-murid. Beliau juga membuat latih tubi nyanyian bacaan *tanwin* dengan irama lagu ‘tanya sama pokok’ tersebut secara langsung.

Meninjau dari sudut penggunaan BBM pula, bahan yang digunakan oleh GJZ1 ialah komputer riba dan LCD untuk memaparkan isi pembelajaran, bunting setiap modul iaitu modul gangsa, perak dan emas yang dijadikan penilaian melalui stesen-stesen yang perlu dilepasi sebagai cabaran untuk murid-murid berlumba-lumba mendapatkan ganjaran. GJZ1 juga menggunakan modul J-Zikr sebagai panduan dan pelekat ganjaran sebagai ganjaran kepada murid yang berani tampil ke hadapan menyelesaikan aktiviti yang disediakan. Bagi murid-murid yang berjaya melepasi ketiga-tiga stesen pula akan diberikan button badge platinum sebagai ganjaran atas usaha mereka yang bersungguh-sungguh.

GJZ2 pula menggunakan kertas edaran kerana bacaan *tanwin* tidak termasuk dalam silibus pembelajaran modul J-Zikr. Beliau juga menggunakan komputer riba dan LCD untuk memaparkan isi pembelajaran. Sebagaimana GJZ1, GJZ2 juga menggunakan bunting sebagai penilaian stesen terakhir sebelum peserta memperoleh *button badge* platinum sebagai ganjaran untuk peringkat yang paling tinggi. Bahan maujud iaitu replika gigi digunakan untuk menjelaskan kepada peserta berkaitan tempat keluar huruf atau *makhraj* huruf. Selain itu, beliau juga memberikan *sticker reward* kepada sesiapa yang berani tampil kehadapan menjawab soalan yang diajukan guru. Paling menarik adalah semasa latih tubi nyanyian beliau menyanyi lagu *tanwin* diiringi dengan paluan darbuka yang merdu dan mengasyikkan. Para peserta dilihat mudah mengikut rentak nyanyian yang diajar oleh informan GJZ2.

Seterusnya, hasil pemerhatian dari segi pelaksanaan program pula mendapati aktiviti yang dilaksanakan oleh kedua-dua informan adalah menyeronokkan. Hal ini dapat dilihat daripada semangat dan riak muka para peserta program yang bersungguh-sungguh mengikuti setiap arahan yang diberikan. Kedua-dua informan juga memberi ganjaran kepada peserta untuk meningkatkan motivasi mereka. Selain itu, aktiviti berpusatkan murid telah dilaksanakan. Murid diberi lebih banyak peluang untuk bercakap. Latihan dalam kumpulan pula menunjukkan murid adalah penggerak kepada sesi pembelajaran tersebut disamping guru sebagai pembantu dan pemudahcara. Aktiviti yang dilaksanakan oleh kedua-dua informan juga sangat menarik minat murid, memberi kefahaman dan menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam proses PdPc Iqra’ tersebut.

### Perbincangan

Modul J-Zikr merupakan pembugaran kepada kaedah Iqra’ yang sedia ada. Ianya merupakan inisiatif Jabatan Pendidikan Negeri Johor Unit Pendidikan Islam dalam usaha mengatasi masalah keciciran murid dalam pembelajaran al-Quran. Kajian ini adalah untuk menguji

keberkesanannya dan mengenal pasti strategi guru untuk mengatasi masalah keciciran murid-murid sekolah rendah. Bagi memastikan keberkesanannya modul ini, elemen didik hibur nyanyian dan menggayaikan pembayang dilaksanakan. Keberkesanannya didik hibur telah banyak dibincangkan oleh penulis akademik terdahulu. Elemen ini merupakan salah satu cara untuk melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa modul J-Zikr memberi kesan yang positif terhadap penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan ini adalah selari dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Salleh, M. R. M., & Zulkifli, H. (2020). Naluri kanak-kanak sememangnya menyukai hiburan dan dengan adanya didik hibur murid-murid akan lebih pro aktif, gembira dan tiada kebimbangan. Selain itu, sistem ganjaran melalui modul ini dapat meningkatkan motivasi murid untuk bersaing secara sihat. Mereka akan berlumba-lumba untuk mendapatkan ganjaran untuk setiap peringkat pencapaian. Hal ini menyokong kajian pengkaji terdahulu yang mengenal pasti keberkesanannya didik hibur dalam Pendidikan Islam iaitu Salleh, M. R. M., & Zulkifli, H. (2020), Shitiq, H. A. A. H., & Mahmud, R. (2010) Mahzan, S. et. al (2018), Ab Rahman, A. et. al (2022) dan Effindi, F.H.(2018). Peningkatan motivasi murid akan mempengaruhi minat dan keyakinan diri murid-murid. Mereka akan lebih berkeyakinan dan tidak pasif. Seterusnya segala proses pembelajaran akan lebih mudah dihadam oleh mereka dan membantu meningkatkan kefahaman serta mengekalkan ingatan jangka panjang. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Hisamudin, N. A. I. (2019) yang mendapati bahawa proses penyerapan ilmu mudah berlaku apabila murid-murid positif, ceria dan terkawal.

Menilai dari sudut perancangan dan strategi pula, guru-guru perlu mengambil tahu tentang gaya pembelajaran murid dengan menyentuh aspek audiologi, visual dan kinestatik. Kenyataan ini disokong oleh Teori Kecerdasan Pelbagai yang diasaskan oleh Gardner, H. (1993) yang berpendapat bahawa kecerdasan seseorang mampu ditingkatkan melalui aktiviti dan latihan yang bersesuaian dalam proses pendidikan. Guru-guru hendaklah mengenalpasti gaya pembelajaran dan melaksanakan teknik yang bersesuaian dengan kecenderungan gaya pembelajaran mereka. Guru-guru juga hendaklah mengkaji latar belakang murid dengan membuat penilaian tingkah laku murid di dalam kelas. Hal ini dicadangkan oleh informan pertama yang menyatakan bahawa penilaian tiga saat itu perlu untuk mengekalkan momentum murid dan guru di dalam kelas. Guru perlu bijak menyesuaikan kaedah pembelajaran dalam apa jua keadaan. Dalam proses penjanaan idea pula, pada zaman teknologi maklumat ini telah banyak aplikasi yang sedia ada dan boleh dijadikan bahan pengajaran interaktif tanpa guru-guru berusaha keras untuk menghasilkan idea sendiri. Namun begitu, terdapat juga para guru yang lebih gemar menghasilkan idea sendiri untuk mendapat kepuasan dalam proses PdPc mereka. Pelbagai inovasi telah dihasilkan oleh para guru dalam usaha mendidik dan memastikan murid-murid menguasai topik yang dipelajari. Namun begitu terdapat juga guru-guru yang masih selesa dengan cara yang lama disebabkan kurang Kemahiran. Hal ini disokong oleh kenyataan Jamili, S. dan Mahamod, Z. (2022) melalui kajian beliau yang menyatakan bahawa kurang kemahiran menjadi faktor para guru enggan melaksanakan PdPc berdasarkan didik hibur. Peningkatan Kemahiran guru melalui bengkel hendaklah diperkasakan untuk meningkatkan kesediaan guru melaksanakan didik hibur khususnya dalam pembelajaran Iqra' sebagai pendidikan atas al-Quran.

Dalam pembelajaran Iqra', elemen didik hibur adalah penting untuk menarik minat murid lebih mencintai al-Quran. Murid-murid juga boleh membaca al-Quran dengan cepat apabila mahir dalam pendidikan atas melalui kaedah Iqra'. Anak-anak harus diajar al-Quran bermula di

peringkat sekolah rendah. Mereka akan memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang tajwid, bacaan, fasahah, sebutan dan penghayatan al-Quran melalui pendidikan asas yang kukuh. Bagi menghasilkan lebih ramai generasi al-Quran pada masa hadapan, guru pendidikan Islam mesti berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan kemahiran mereka dan meneroka pendekatan pembelajaran yang lebih inovatif. Limitasi kajian terhad di Negeri Johor sahaja selaku pelopor modul J-Zikr. Namun begitu, kajian menyeluruh berkaitan peningkatan tahap bacaan Al-Quran harus dilakukan di peringkat daerah dan di peringkat sekolah bagi memastikan murid-murid tidak keciciran dalam menguasai pembacaan al-Quran. Guru perlu lebih bermotivasi untuk menetapkan sasaran yang ingin dicapai.

## **Penutup**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aktiviti didik hibur memberi kesan yang positif terhadap kefahaman, penglibatan dan motivasi murid dalam pembelajaran Iqra' kepada murid cicir al-Quran. Namun begitu kemahiran guru amat diperlukan dalam usaha menjana idea membuat perancangan dan mengatur strategi. Implikasi kajian ini adalah untuk diri penyelidik sendiri supaya lebih bermotivasi melaksanakan pendekatan didik hibur dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Diharap agar kajian ini mampu membuka ruang para guru untuk melakukan perubahan dengan melaksanakan penerapan didik hibur serta mengaplikasikan modul J-Zikr sebagai bahan bantu meningkatkan pencapaian murid dalam masa yang singkat. Cadangan untuk kajian akan datang adalah mengkaji sejauh mana kefahaman dan kesediaan guru dalam melaksanakan Modul J-Zikr dalam pembelajaran Iqra'. Selain itu, kajian terhadap persepsi murid juga harus dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi keberkesanan dan keistimewaan modul ini.

## **Penghargaan**

Alhamdulillah, setinggi penghargaan diucapkan kepada Dr. Khadijah binti Abdul Razak selaku penyelia yang memberi tunjuk ajar dalam penghasilan artikel ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ustaz Naqiuddin bin Mustapakamal dan Ustazah Azreza binti Yopzafran kerana memberi kerjasama yang baik dalam sesi temubual serta proses pemerhatian. Terima kasih juga kepada ustaz Nazihar bin Sisak (Penolong PPD Pendidikan Islam Pejabat Pendidikan Dearah Kulai) kerana memberi keizinan dan peluang kepada penulis untuk membuat kajian berkaitan Modul J-Zikr di Negeri Johor. Seterusnya kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini.

## **Rujukan**

- Ab Rahman, A., Shakor, M. F. A., Sukari, A., Nozlan, N. N., & Lokman, N. W. (2022). The Effectiveness Of Global Tahfiz Game (GTG) Gamification In Teaching & Learning In Malaysia: Tahap Keberkesanan Gamifikasi Global Tahfiz Game (GTG) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Malaysia. *Journal of Fiqhiyyat*, 3(1), 30-40.
- Ahmad, M., & Nordin, M. R. M. (2020). Pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu: tinjauan terhadap sikap dan minat murid orang asli di negeri perak. *Jurnal Dedikasi*, 9, 77-90.
- Ahmad, N., Othman, S., Sabil, A. M., Mokhtar, M. M., Nawawi, M. A. M., & Hason, Z. (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam Meningkatkan Kesediaan Belajar Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimum [The Influence Of Edutainment in Enhancing The Learning Readiness of Reading Skills in Malay Language of Low Achieve. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57.

- Che Omar, M., Seman, N. H., Yusoff, A., & Abdullah, A. H. (2015). Kesukaran mengajar dan belajar al-Quran dalam kalangan pelajar pekak: Isu dan cabaran guru Pendidikan Islam. *International Seminar on al-Quran in Contemporray Society*. hlm. 208-221.
- Effendi, F.H., (2018). VTA-TJS: Membantu Meningkatkan Kemahiran Mengingat Sirah Nabi Muhammad SAW Pemimpin Agung. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporeri*. 1, 50-59.
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory in Practice*. Basic Book: A Division of Harper Collins Publishers, Inc.
- Hanafi, L. H., Al-Bakri, Z. M., & Shaharuddin, R. R. R. (2014). Hiburan: Muzik, nyanyian, nasyid menurut perspektif fiqh dan fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3(1), 83-108.
- Ismail, D., Khairuldin, W. M. K. F. W., & Mohammad, M. (2014). Progress and Learning Problems of the Quran in j-QAF Program in Malaysia. *Islamiyyat-The International Journal Of Islamic Studies*, 36(2), 57-66.
- Ismail, M. (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu: didik hibur dan seni bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamian, A. R., Razali, N. N., & Othman, S. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 39-45.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jamili, S., Mahamod, Z. (2022). Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur Secara Bersempua Dan Dalam Talian Berdasarkan Jantina Dan Pengalaman Mengajar Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 40-49.
- Mahzan, S., Sadikan, S. F. N., Md Shah, M. A. M., Shahudin, M. H., Shafie, S., & Rahmat, M. H. (2018). Aplikasi didik hibur tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): kajian awal persepsi pengguna. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 2(1), 1-16.
- Md Hasan, R., Nik Yaacob, N. R., & Yahaya, W. (2015). Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah Dan Hukum Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal. In *International Conference on Islamci Education and Social Enterpreneurship* (pp. 511-518).
- Md. Zin, N., Ariffin, S., & Yusoff, N. (2014). Keberkesanan Teknik Iqra'dan Al-Baghdadi Suatu Perbandingan. *Jurnal Usuluddin*, 40, 51-70.
- Modul j-Zikr, Modul Intervensi Al-Quran. (2023). Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Rasidi, A. H., & Ismail, M. F. (2023). A Study Of The Effectiveness Of Iqra' Comparing Methods Of Baghdadi, Al-Barqy And Abahata Al-Jabari On Student Effectiveness In Pahang Town District. *Jurnal Al-Sirat*, 23(1), 25-41.
- Mohamed Razali, N. , Ramlan, S. R., & Saidin, M. (2021). Kemahiran bacaan al-Quran secara bertajwid di kalangan pelajar sekolah menengah harian: satu tinjauan awal.
- Ngah, M. I. & Ibrahim, S. Z. (2016). Pelaksanaan Pengajaran Kursus Tadabbur Al- Quran: Satu Kajian di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *ISPEN-i 2016: Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam*: 280-286.
- Hisamudin, N. A. I. (2019). *Penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai/Nur Aliah Izzaty Hisamudin* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Panduan Pelaksanaan j-QAF. 2005. Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 October 2021*. hlm. 523-530.

- Sabilan, S., Ibrahim, B., Lip, S. M., Ishak, M. F., & Mohni, S. N. I. (2018, May). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf. In *Prosiding Seminar International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016) Eagle Bay, Langkawi*.
- Saipullah, N. A. F. (2020) Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bidang Al-Quran: Satu Kajian Rintis Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Sarawak. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020*.
- Salleh, M. R. M., & Zulkifli, H. (2020). Penggunaan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan: Utilisation of Edu-tainment in Primary Schools' Islamic Education. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 1-16.
- Senin, M. S. M., Rosli, M. R., Don, M. A. M., & Ahmad, M. F. (2021). Analisis Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Iqra'Secara Online Di Malaysia Menerusi Saluran Youtube. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS*: 307-317.
- Shitiq, H. A. A. H., & Mahmud, R. (2010, November). Using an Edutainment Approach of a Snake and Ladder game for teaching Jawi Script. In *2010 International Conference on Education and Management Technology* (pp. 228-232). IEEE.